

03/11/1998

Pendirian kerajaan kekal

SEREMBAN, Isnin - Kerajaan tetap dengan pendirian melarang pesawat Tentera Udara Diraja Singapura (RSAF) menggunakan ruang udara negara ini walaupun republik itu menyatakan kesediaan memulihkan hubungan mesra dua hala.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata perkembangan terbaru ini tidak akan mengubah pendirian kerajaan terhadap larangan yang dikuatkuasakan.

"Ingin saya tegaskan sekali lagi, larangan itu dikuatkuasakan bagi kepentingan nasional selain aduan penduduk terhadap bunyi bising jet pejuang negara itu yang menggunakan ruang negara Malaysia, terutama di Johor.

"Dari segi pertahanan negara, kita tidak akan tarik balik keputusan (penguatkuasaan larangan) kerana ia tidak ada kena mengena dengan hasrat pemimpin pertama republik itu," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Beliau yang sebelum itu merasmikan persidangan Pengerusi Jawatankuasa Pendukung Pasukan Simpanan Malaysia diminta mengulas mengenai kenyataan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong bahawa negaranya mahu mengukuhkan hubungan baik dengan Malaysia bagi kepentingan bersama.

Goh turut berkata, beliau tidak mempunyai masalah dari segi hubungan peribadi dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan selanjutnya menambah:

"Dr Mahathir juga perlu menjaga kepentingan negaranya dan begitu juga saya terhadap Singapura."

Hamid menjelaskan, apa yang dinyatakan dalam jawapannya berhubung isu pencerobohan pesawat pejuang RMAF di Parlimen baru-baru ini adalah jelas dan kerajaan tidak menyembunyikan sebarang fakta.

Katanya, larangan yang dikuatkuasakan kerajaan itu bukan perkara luar biasa kerana negara lain di dunia turut berbuat demikian.

Baru-baru ini, menteri itu menyifatkan laporan akhbar The Straits Times Singapura berhubung isu pencerobohan pesawat RSAF di ruang udara Malaysia sebagai kurang ajar.

Menurut Hamid, media Singapura tidak berhak mencampuri urusan antara dua kerajaan, apa lagi menyuruh Kerajaan Malaysia 'tutup mulut' berhubung isu itu.

"Kami percaya jawapan kami di Parlimen adalah urusan dalaman sistem demokrasi (Malaysia).

"Kenapa perlu ada ruangan lidah pengarang akhbar berkenaan memberitahu kami supaya tutup mulut," katanya.

(END)